

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.8 HINGGA NO. 79 )**

**(SOALAN NO.1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN NO.23 DAN NO.50)**

16 JUN 2015

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7 )**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

0

8

4

2

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]

**TARIKH** : 16 JUN 2015 (SELASA)

**SOALAN** : Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan subsidi kepada petani-petani yang menanam padi bukit yang terkandung dalam Bajet 2015 di mana peruntukan tersebut adalah sebanyak 70 juta. Berapakah bilangan peladang atau petani yang telah mengemukakan permohonan setakat kini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jawatankuasa Lembaga Perolehan Kementerian telah memuktamadkan pelaksanaan pembekalan baja dan racun pada bulan Mei yang lalu. Susulan daripada itu, pembekalan baja dan racun yang dilaksanakan secara tahunan kepada petani akan dibuat pada akhir Jun tahun ini untuk musim penanaman padi bukit yang dijangka pada bulan Ogos 2015. Bilangan petani yang terlibat dengan pemberian subsidi ini adalah seramai 15,000 petani di Sabah dan 61,000 petani di Sarawak.